

**Pelancaran Majlis Rumah Terbuka Malaysia Sempena Tahun Baharu Cina Meriah Bernama
8 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Kamaruddin Siaraf Jumaat melancarkan majlis rumah terbuka Malaysia sambutan Tahun Baharu Cina di Pusat Bandar Puchong dekat sini.

Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tahun Baharu Cina 2013 (MRTM) yang akan diadakan pada Sabtu, 16 Feb, akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada pukul 8 malam.

Kamaruddin berkata tujuan utama kementerian menganjurkan majlis itu adalah untuk membolehkan seluruh rakyat negara ini bersama-sama merasakan kemeriahan dan kegembiraan menyambut Tahun Baharu Cina bersama kaum Cina di seluruh negara.

"Sempena Tahun Baharu Cina kali ini, kerajaan bersama persatuan bukan kerajaan (NGO) lain telah menjalankan banyak program seperti titik sentuhan, gotong-royong dan kembara jalinan kasih yang bertujuan merapatkan silaturahmi antara semua kaum yang ada di Malaysia," katanya.

Pada majlis pelancaran itu, Kamaruddin mengedarkan limau, paket angpau dan jemputan ke majlis yang akan diadakan minggu hadapan itu kepada lebih 1,000 pengunjung yang hadir.

Sementara itu seorang penduduk di kawasan itu, Lim Yee Wai, 35, berkata beliau bangga kerana kawasan perumahan mereka dipilih sebagai satu daripada 'tuan rumah' pada tahun ini dan beliau tidak menyangka kerajaan memberi perhatian kepada kawasan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=927028>